

13 FEB 1997

Tajuddin

TAJUDDIN ABDUL RAHMAN DITERIMA KEMBALI OLEH UMNO

KUALA LUMPUR, 13 Feb (Bernama) -- Bekas anggota exco Pergerakan Pemuda Umno Encik Tajuddin Abdul Rahman yang dipecat daripada Umno pada Jun 1995 diterima kembali oleh parti.

Tajuddin, 49, yang juga bekas ketua Pemuda Umno Bahagian Pasir Salak, Perak dan bekas naib Ketua Pemuda Umno Negeri Perak dipecat oleh Majlis Tertinggi parti atas tuduhan mengamalkan politik wang semasa pemilihan pucuk pimpinan parti peringkat bahagian pada 1995.

Tajuddin semasa dihubungi melalui telefon di rumahnya di sini malam ini berkata beliau menerima surat penerimaannya kembali ke dalam Umno hari ini.

Surat bertarikh 25 Dis itu ditandatangani oleh Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik yang antara lain menyatakan bahawa keputusan menerimanya kembali dibuat oleh Majlis Tertinggi Umno pada 9 Okt tahun lepas.

"Kelewatan surat memberitahu tentang keputusan itu mungkin kerana kesibukan pemilihan pucuk pimpinan Umno serta pelantikan Setiausaha Agung parti yang baru," katanya.

Tajuddin yang gembira dengan perimaannya kembali ke dalam Umno itu berkata: "Hari ini adalah satu hari yang amat bermakna dalam karier politik saya selepas lebih daripada satu setengah tahun menanti setiap hari untuk kembali ke pangkuan Umno.

"Saya bersyukur kepada Tuhan dan berterima kasih kepada Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan semua anggota MT kerana kesediaan menerima saya kembali.

"Saya berikrar akan menjadi anggota Umno yang setia dan bersedia memberi kerjasama serta menyumbang tenaga sedaya mungkin dalam menjayakan perjuangan parti untuk bangsa, agama dan negara," katanya.

Beliau juga berkata bahawa beliau tidak mahu lagi mengingatkan perkara yang lepas yang berlaku atas dirinya sebaliknya akan memandang ke depan menyumbang tenaga kepada parti.

Menurut Tajuddin beliau akan kembali ke cawangan asalnya Sungai Tungku dan Umno Bahagian Pasir Salak. -- BERNAMA

SJA RON